

04 NOV 1997

Parlimen-Ulama

KENYATAAN BUBARKAN PERSATUAN ULAMA TIDAK PERNAH DIKELUARKAN

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah mengeluarkan kenyataan untuk membubarkan Persatuan Ulama Malaysia.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Datuk Haji Muhamad Abdullah berkata persatuan ulama itu didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1973 dan pembubarannya boleh dibuat atas kehendak persatuan itu sendiri atau atas sebab-sebab yang melanggar akta tersebut.

Muhamad berkata demikian ketika menjawab soalan asal Haji Bunyamin Yaakob (PAS-Bachok) yang meminta penjelasan sama ada Dr Mahathir serius atas keputusan itu dan apakah kriteria yang diguna pakai dalam membuat keputusan berkenaan.

Mohd Isa Sabu (BN-Kangar) pula menyifatkan kenyataan itu sebagai fitnah politik yang dilemparkan kepada Dr Mahathir. Beliau juga ingin tahu sama ada ia boleh diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Katanya, kerajaan tidak menganggapnya terlalu serius sehingga perlu diambil tindakan ke tahap itu, "Kadangkala ada sesetengah pemimpin persatuan ulama yang agak terkeluar daripada objektif sebenar pertubuhan dan ada antara mereka yang membuat kenyataan yang agak menyinggung perasaan pihak kerajaan".

"Mereka ini sepatutnya menjalankan tugas sebenar, tapi ada kalanya mereka didapati agak menyokong pihak yang lain dan terpaksa juga ditegur demi kemajuan pertubuhan itu sendiri," katanya.

Namun sekiranya ada persatuan atau pertubuhan yang didapati serius merosakkan perpaduan negara, kerajaan katanya tidak mempunyai pilihan lain, selain daripada mengenakan tindakan mengikut peraturan yang ditetapkan. --
BERNAMA

WNZ oba